NO SOALAN :14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,

MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI (BUKIT BENDERA)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 15.03.2016**

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kontrak pembekalan duit syiling baru, termasuk nama syarikat yang dilantik dan kos kontrak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bank Negara Malaysia (BNM) mengamalkan sistem tender terbuka bagi mempelawa syarikat-syarikat pembekal duit syiling kosong yang

terpilih sebelum menempa syiling tersebut di Kilang Wang, Shah Alam yang dimiliki oleh BNM. Syarikat-syarikat pembekal duit syiling yang mempunyai reputasi tinggi dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak BNM akan dipelawa menyertai tender pembekalan duit syiling tersebut. Amalan ini turut dipraktiskan di kalangan bank-bank pusat di negara lain.

Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh BNM termasuklah syarikat tersebut mempunyai status kewangan yang kukuh, kepakaran, pengalaman, kuaiiti perkhidmatan, kapasiti dan keupayaan teknologi pengeluaran.

Proses tender dibuat setiap dua (2) tahun dan kos kontrak pembekalan duit syiling adalah antara RM115 juta ke RM130 juta setahun bergantung kepada faktor-faktor seperti kuantiti, denominasi, harga bahan asas dan kapasiti industri. Pihak BNM sentiasa memastikan kos bekalan duit syiling adalah kompetitif menerusi sistem tender terbuka yang dilaksanakan.

Syarikat-syarikat yang telah dipelawa untuk menyertai tender terbaru pembekalan duit syiling kosong pada September 2015 yang lalu adalah seperti berikut: